

Bahagian A: (10 markah)

Pilih perkataan berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item.

1. Wajah gadis itu umpama **bulan**.

batu
langit
bintang
matahari

2. Dia tinggal **hampir** dengan rumah saya.

jauh
tengah
belakang
dekat

3. **Isteri** Encik Osman tidak bekerja.

Teruna
Duda
Orang
Suami

4. Adik **simpan** mainannya di dalam kotak kayu itu.

buang
angkat
beli
susun

5. **Ustazah** saya sangat garang orangnya.

Haji
Ustaz
Datuk
Mahasiswa

Bahagian B: (10 markah)

Pilih perkataan seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item di bawah ini.

1. Sultan Mahmud **murka** di atas perbuatan puteranya yang sumbang.

gembira
marah
malas
takut

2. Adik telah menghafal **nombor** telefon pejabat saya.

ekor
abjad
angka
biji

3. Kaki Ali **cedera** kerana terjatuh dari katilnya.

uzur
patah
koyak
luka

4. **Jiran** saya sangat peramah.

Kawan
Tetangga
Kerabat
Seteru

5. Dia tidak tahu apakah **makna** perkataan tersebut.

baca
tulisan
ejaan
erti

Bahagian C: (10 markah)

Pilih kata hubung yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

1. Nelayan itu berjaya menangkap se_____ ikan yu.

bilah
batang
ekor
buah

2. Adik menendang se_____ bola ke arah saya.

biji
buah
ketul
ulas

3. Bapa memakai se_____ kain pelekat.

keping
utas
pasang
helai

4. Monyet itu makan se_____ pisang.

ulas
butir
tandan
tangkai

5. Dia menyalakan se_____ mancis.

bilah
batang
tangkai
kaki

Bahagian D: (10 markah)

Pilih kata hubung yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

1. Osman bercita-cita tinggi _____ dia cacat.

walaupun
kerana
jika
supaya

2. Kita harus berjimat cermat _____ tidak hidup miskin.

sungguhpun
hingga
kerana
supaya

3. Kita harus beratur _____ membeli makanan di kantin sekolah.

atau
walaupun
semasa
serta

4. Salimah pandai bermain piano _____ gitar.

dan
atau
walaupun
hingga

5. _____ kamu malas belajar, kamu tidak akan lulus.

Semasa
Jika
Atau
Namun

Bahagian E: (10 markah)

Pilih peribahasa yang sesuai bagi setiap frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini.

1. Sazali pergi bersiar-siar untuk berehat di Langkawi.

makan suap
makan hati
makan angin
makan angkat

2. Emak sukar membuat pilihan kerana semua barang yang dijual di kedai itu baik-baik belaka.

kepala angin

mata keranjang
kepala batu
rambang mata

3. Ibu berpesan kepada saya agar jangan mendengar **berita yang belum tentu benarnya.**

atas angin
bawah angin
khabar angin
ada angin

4. Bapa sangat **rajin bekerja** walaupun dia uzur.

putih hati
berat tulang
ringan tulang
panjang tangan

5. Ibu senang mengajar Ali kerana dia **mudah memahami sesuatu yang diajarkan.**

makan hati
kecil hati
hati batu
terang hati

Bahagian F: (10 markah)

Pilih kata gandaan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.
Kemudian, tulis abjad pilihan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

a. kusut-masai	b. kering-kontang
c. lalu-lalang	d. koyak-rabak
e. simpang-siur	f. batu-batan

1. Baju Salim setelah habis bergaduh dengan jirannya.
2. Setiap pagi, ramai orang di hadapan pejabat saya.
3. Rambut kakak kerana dia baru bangun tidur.

4. Mereka tidak dapat mendirikan khemah di kawasan tersebut kerana tanahnya mempunyai banyak .
5. Mereka dapat berdiri di tengah-tengah tasik yang itu.

Bahagian G : (10 markah)

Berikan kata dasar bagi perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Kemudian, tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

1. Emak menyediakan sarapan buat saya.
2. Angin bertiup kencang.
3. Dia mematahkan kayu itu dengan tangannya.
4. Kakak sedang memasak nasi di dapur.
5. Adik saya sudah pandai mengeja perkataan-perkataan yang payah.

<input type="text"/>

Bahagian H : (10 markah)

Tuliskan perkataan yang sesuai bagi setiap tempat kosong di bawah ini.

Semalam, hujan dengan lebat. Waktu itu, Salim dan keluarganya menonton televisyen. Ibu Salim segera mengangkat jemuran sambil dibantu oleh Salim dan kakaknya manakala bapa dan abangnya pula bergegas daun tingkap. Salim seronok melihat air turun dari sebalik tingkap rumahnya.

Bahagian I : (10 markah)

Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan yang mengikutinya.

Semalam, saya telah menemani ibu dan ayah pergi ke rumah sakit. Rumah sakit itu terletak di Alexandra. Kami ke sana untuk menjenguk abang. Abang saya telah ditempatkan di rumah sakit itu

kerana dia telah mengalami kecederaan ringan di tempat tugasnya. Menurut kawan setugas abang, abang telah terjatuh dari tangga semasa melakukan pemeriksaan.

Kami sekeluarga berasa amat lega setelah mendapati bahawa keadaan abang tidak parah. Abang akan dibenarkan pulang esok setelah doktor mejalankan pemeriksaan rapi ke atas dirinya untuk memastikan yang dia sudah pulih.

1. Ke manakah pengarang dan ibu bapa pergi semalam?
Semalam, pengarang dan ibu bapanya telah pergi ke ...

rumah mereka di Alexandra.
rumah abangnya di Alexandra.
pejabat abangnya.
rumah sakit.

2. Mengapakah pengarang ke sana?
Pengarang ke sana untuk ...

bersiar-siar.
menemani abangnya.
menemui kawannya yang sedang bertugas.
menjenguk abang yang sedang sakit.

3. Di manakah abang mengalami kecederaan?
Abang telah mengalami kecederaan ...

di tempat tugasnya.
di Alexandra.
rumahnya.
rumah kawan setugasnya.

4. Mengapakah pengarang dan keluarganya berasa lega?
Pengarang dan keluarganya berasa lega kerana ...

keadaan abangnya parah.
keadaan abangnya tidak membimbangkan.
abangnya tidak sedarkan diri.
abangnya tidak dapat pulang ke rumah.

5. Bilakah abang dibenarkan pulang?
Abang dibenarkan pulang ...

tiga hari selepas diperiksa oleh doktor.
lusa.
pada keesokan harinya.
pada hujung minggu.

Bahagian J : (10 markah)

Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

Encik Rahman bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan di sebuah kawasan perumahan di Andrew Road. Setiap malam dia bertugas hingga pagi.

Pada suatu malam, sedang Encik Rahman menjalankan tugasnya, dia telah ternampak seorang lelaki tua sedang terhincut-hincut menghampirinya. Lelaki tua itu telah mengalami kemalangan. Keretanya telah terbabas lalu terhumban ke dalam longkang.

Lelaki tua itu cedera di bahagian kepalanya. Encik Rahman segera menelefon ambulan dan polis. Kemudian, dia merawat lelaki tua itu. Tidak lama kemudian, ambulan dan polis pun tiba. Lelaki tua itu dibawa ke rumah sakit.

1. Apakah tugas Encik Rahman?
Encik Rahman bertugas sebagai seorang

2. Di manakah Encik Rahman bertugas?
Encik Rahman bertugas di

3. Siapakah yang telah menghampiri Encik Rahman pada suatu malam semasa dia sedang bertugas?
Pada suatu malam, sedang Encik Rahman bertugas, dia telah dihampiri oleh

4. Apakah yang telah berlaku kepada kereta mangsa kemalangan itu?
Kereta mangsa tersebut telah

5. Sebelum merawat mangsa tersebut Encik Rahman menelefon siapa?

Sebelum merawat mangsa tersebut, Encik Rahman telah menelefon